

UMP, PCHEBUST jalin kerjasama laksana program dwijazah

HARIAN METRO (TIMUR) 2 JAN 2017 M/S 42

Pekan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalankan kerjasama dengan sebuah institusi pendidikan dari China, Polytechnic College Of Hebei University Of Science & Technology (PCHEBUST) dalam melaksanakan program dwijazah di universiti berkenaan.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, melalui kerjasama itu, UMP dan PCHEBUST akan menawarkan program dwijazah membabitkan tiga program iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteeraan Elektrik dan Sains Komputer.

"Hasil daripada program kerjasama ini akan memberi peluang kepada UMP dalam meningkatkan jumlah pe-



DR Daing Nasir (dua kiri) bertukar MoU dengan Ma Yinfeng (dua, kanan) di UMP, Pekan.

nuntut antarabangsa di universiti ini.

"Ia juga secara tidak langsung dapat mempromosikan nama UMP di peringkat antarabangsa terutama di China," katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UMP dengan PCHEBUST di UMP kampus Pekan, di sini, kelmarin.

Pada majlis MoU berkenaan menyaksikan Daing Nasir Ibrahim mewakili UMP, manakala PCHEBUST diwakili Setiausaha Cawangannya, Ma Yinfeng.

Katanya, kerjasama akademik ini bakal meningkatkan nilai lepasan graduan UMP dalam industri pasaran

kerja sama ada di Malaysia atau China pada masa akan datang.

"Sebagai universiti teknikal, UMP komited dalam memperkuuhkan hubungan baik antara universiti di persada antarabangsa supaya universiti ini lebih dikenali.

"Hubungan kerjasama antara UMP dengan institusi pendidikan di China sudah berjalan sejak tujuh tahun lalu sehingga tertubuhnya Pusat Kebudayaan dan Bahasa Mandarin (MLCC) di UMP.

"UMP juga akan berkongsi kepakaran dalam mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dengan memperkenalkan program Preparatory Intensive English (PiE)," katanya.